

Dasar pekerja asing dipersoal

Surat 1

UM 19.10.2007 M/S 12

SETELAH beberapa hari orang ramai membangkitkan isu pendatang asing menerusi *Utusan Malaysia*, rakyat makin tertanya dan terus berteka-teki sampai bila permasalahan ini akan berterusan.

Bagi rakyat kerdil seperti saya, tiada apa yang mampu dilakukan selain berharap kerajaan akan mengubah dasar pengambilan pekerja asing dengan suatu dasar yang dapat menggunakan modal insan tempatan dengan optimum.

Ia seterusnya dapat mengurangkan pengangguran dan gejala yang kurang sihat di kalangan remaja atau belia lepasan sekolah serta IPT.

Bagaimanapun satu persoalan yang masih belum terjawab sehingga kini, sebelum pengambilan pekerja asing diperkenalkan di Malaysia sekitar penghujung tahun 90-an.

Apakah dasar yang diguna pakai untuk membolehkan kemasukan mereka ini? Sekiranya merujuk kepada dasar kerajaan seperti Dasar Pandang Ke Timur, Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Perindustrian Negara tidak terkandung pun di dalamnya bahawa salah satu elemen bagi mencapai matlamat kepada dasar-dasar tersebut adalah dengan mengambil tenaga kerja asing, bahkan Dasar Pembangunan Malaysia yang di dalamnya terkandung Wawasan 2020 juga tidak menyebut perkara yang sama.

Justeru, apakah asas kepada keputusan mengambil pekerja asing oleh kerajaan?

Memetik Dasar-Dasar Pembangunan M-laysia oleh Intan, strategi bagi Dasar Pembangunan Nasional (DPN) antaranya:-

Perkara iii) Mengurang dan akhirnya menghapuskan ketidaksamaan sosial dan ekonomi negara untuk menggalakkan perkongsian secara lebih adil dan saksama faedah yang diperolehi daripada pertumbuhan secara lebih adil dan saksama untuk semua rakyat Malaysia.

Perkara vi) Memajukan sumber manusia dan termasuk mewujudkan tenaga kerja yang berdisiplin dan produktif serta meningkatkan kemahiran yang perlu bagi menghadapi cabaran pembangunan industri melalui satu budaya kecemerlangan tanpa menjejaskan matlamat penyusunan semula masyarakat.

Jika pernyataan di atas benar dan agensi-agensi kerajaan harus akur dalam pelan perancangan serta setiap tindakan mereka, maka siapakah yang melanggar batasan ataupun mengambil kesempatan dengan adanya *loop-hole* atau *grey-area* bagi menghalalkan pengambilan tenaga kerja asing ini?

Sepatutnya tindakan atau respons yang perlu diambil sebelum sesuatu akta atau dasar diluluskan ialah dengan mengatakan tidak!

Dan bukannya membiarkan sahaja untuk satu tempoh yang lama dan kemudiannya baru terkocoh-kocoh dasar komprehensif mengenai pengambilan pekerja asing hendak digubal dan dibentang di

➤ **Taraf Penduduk Tetap (PR) bagi warga Indonesia juga perlu dikaji semula, tempoh lima tahun bagi kelayakan memohon adalah terlalu singkat**

Dewan Rakyat. Kenapa masa hendak ambil tidak ditanya kepada rakyat?

Sekiranya perkara ini dilakukan secara *ad-hoc* disebabkan kegawatan ekonomi pada tahun 1997 maka ia patut telah lama dihentikan dan perlu ada batas waktu.

Ataupun apakah dalam membuat keputusan bagi mengambil tenaga kerja asing ini terdapat 'musang berbulu ayam' yang dengan sengaja mengetepikan kepentingan nasional demi kepentingan peribadi, sekali gus memejamkan mata terhadap dasar-dasar kerajaan yang telah sedia ada.

Mungkin dari segi ekonomi, segelintir usahawan korporat dan konglomerat telah menyuntik jarum atau mengugut agar pintu dibuka seluas-luasnya bagi tenaga kerja asing bagi menyaingi negara China yang muncul sebagai gergasi ekonomi baru di Asia.

Ini tidak mustahil dengan penutupan

dan perpindahan beberapa kilang mikro-cip di Pulau Pinang ke Thailand dan China kerana kos buruh yang lebih rendah.

Kita juga telah menyaksikan pembekuan permit kerja warga Bangladesh serta-merta tetapi adakah kemasukan mereka masih berterusan?

Sepertimana berulangnya kisah Import Permit (IP) kerana permit yang dikeluarkan sebelum ini masih sah dan pembekuan itu bukan secara *back-dated*. Pendatang dari negara lain bila lagi?

Selain itu, Taraf Penduduk Tetap (PR) bagi warga Indonesia juga perlu dikaji semula, tempoh lima tahun bagi kelayakan memohon adalah terlalu singkat dan permohonan yang diluluskan mesti dihadkan. Apakah kita mempunyai rekod kelulusan ini? Mungkinkah mencapai angka ribu atau juta? Siapa yang tahu?

Kesimpulannya, daripada apa yang telah berlaku di Malaysia hari ini membuktikan kerajaan Malaysia sentiasa bersikap lembut dan bermurah hati untuk memakmurkan warga asing yang akhirnya akan membawa padah kepada rakyat dan negara.

Mungkin kita perlu belajar dengan Singapura atau Lee Kuan Yew untuk menangani isu pendatang asing dan berani katakan 'tak nak' kepada pendatang asing.

— JIRAN WARGA ASING,
Seberang Jaya,
Pulau Pinang.